HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,
Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan **Takaful Kereta Persendirian Komprehensif** anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.

eTiQa Takaful Am

Tarikh: 01/01/2026

❶ Apakah itu Takaful Kereta Persendirian Komprehensif?

Sijil ini memberikan perlindungan terhadap tuntutan dari pihak lain bagi kecederaan atau kematian, kerosakan kepada harta benda pihak lain dan kemalangan yang bukan disengajakan atau kerosakan akibat kebakaran atau kecurian kenderaan anda.

Kontrak Shariah Yang Diguna Pakai

Kontrak Shariah yang diguna pakai di bawah produk ini ialah Tabarru', Wakalah, Jualah dan Qard. Untuk definisi kontrak shariah, sila rujuk sijil takaful.

❷ Ketahui Perlindungan Anda

Jumlah sumbangan yang perlu anda bayar adalah berbeza bergantung kepada jumlah yang dilindungi, buatan dan model kenderaan anda, umur anda, pengalaman tuntutan lepas, kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (DTT), pilihan manfaat tambahan dan keperluan pengunderaitan kami. Ilustrasi sumbangan untuk RM1,536.98 setahun, anda akan menerima perlindungan berikut:

Amaun yang Dilindungi	RM86,400.00
Buatan/Model	Honda City
Usia Kenderaan	5
Kapasiti Enjin	1497
Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (DTT)	55%
*Manfaat Tambahan (Ini disertai dengan tambahan sumbangan takaful)	Perlindungan Cermin RM500.00 Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu RM00.00

Sijil anda melindungi:
1. Kecederaan badan dan kematian Pihak Ketiga;
2. Kerugian atau kerosakan harta benda Pihak Ketiga; dan
3. Kerugian atau kerosakan terhadap kenderaan anda akibat kebakaran yang bukan disengajakan, kecurian atau kemalangan.

Pengecualian sijil takaful motor anda:
1. Kematian anda atau kecederaan badan sendiri akibat kemalangan kenderaan;
2. Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kenderaan anda;
3. Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang berlaku daripada tindakan alam semulajadi, contoh banjir, ribut atau tanah runtuh; dan
4. Kerugian sampingan, susut nilai, kegunaan biasa, karat dan hakisan, kerosakan mekanikal atau elektronik, kegagalan atau pecahan, peralatan atau program komputer yang gagal berfungsi.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian di bawah sijil ini.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai perlindungan takaful motor anda, anda boleh:

Hubungi kami di 1-300-13-8888 (Etiqa Oneline)	Layari https://www.etiqa.com.my/kereta	Email kepada info@etiqa.com.my	Imbas kod QR

❸ Ketahui Kewajipan Anda

Contoh pengiraan untuk takaful Kereta Persendirian Komprehensif ini, anda perlu membayar sumbangan sebanyak:	
Takaful sumbangan asas	RM2,975.26
(-) Kelayakan DTT	55% atau RM1,636.39
(+) Manfaat Tambahan 1. Perlindungan Cermin 2. Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu	 RM75.00 RM00.00
Jumlah Sumbangan	RM1,413.87
Anda juga harus membayar fi and caj berikut:	
Komisen/Diskaun	10%
Jumlah Fi Wakalah	Sehingga 30% daripada sumbangan
Cukai Perkhidmatan	8% atau RM113.11 daripada jumlah sumbangan
Duti Setem	RM10.00
Jumlah Sumbangan Perlu Dibayar	RM1,536.98
Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.	

* MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA TAHU

A	Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui sijil takaful setiap tahun.
B	Takaful hanya akan berkuatkuasa sebaik sahaja anda telah membayar sumbangan (Bayaran Sebelum Perlindungan).
C	Anda mesti memastikan kenderaan anda dilindungi pada amaun yang berpatutan kerana ia akan menjejaskan amaun yang boleh anda tuntut.
D	Sekiranya berlaku kemalangan, anda harus maklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh melakukan dengan: a. Buat laporan kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan; b. Makluman boleh dilakukan secara bertulis atau melalui panggilan telefon ke talian Bantuan Tuntutan 1300 88 1007; c. Lengkapkan dan hantar borang tuntutan bersama dokumen sokongan yang lain secepat mungkin; dan d. Anda boleh menghantar kereta anda ke mana-mana bengkel pembaikan yang diluluskan seperti berikut: i. Bengkel pembaikan motor yang terdapat dalam panel bengkel Kami yang diluluskan; atau ii. Mana-mana pembaikan lain yang telah Kami berikan kepada Anda kebenaran khas untuk digunakan. *Sila rujuk sijil takaful untuk butiran lanjut mengenai bengkel Pembaikan yang Diluluskan. *Sila rujuk laman web kami untuk pilihan bengkel pembaikan yang ada. **Nota:** Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk melihat keseluruhan terma dan syarat.
E	Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan sebahagian daripada sumbangan dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan sepanjang tempoh takaful.